

18 AUG 1998

Mahathir-Media

MEDIA PERLU BERI LAPORAN BANTU PULIHKAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta media tempatan supaya memberi laporan yang seimbang yang boleh membantu ke arah pemulihan ekonomi.

Katanya pada masa ini media asing nampaknya menyiarkan laporan yang menyerang padang matawang George Soros dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi media tempatan tidak berbuat demikian.

"Sekarang media asing mengakui bahawa apa yang kita katakan dulu (mengenai Soros dan IMF) benar tetapi kita tidak nampak mengenainya dalam media kita," katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan perpaduan sempena Hari Pekerja di sini.

Beliau ditanya mengenai peranan yang boleh dimainkan media tempatan dalam membantu memulihkan ekonomi negara.

Katanya, media selama ini tidak memberi laporan yang seimbang dan adil mengenai negara yang pada masa ini menghadapi kegawatan.

"Tetapi orang di Malaysia masih boleh hidup sempurna. Tidak ada pengangguran, kalau adapun sedikit. Ini adalah bukti ketepatan dasar kita tetapi ia tidak dilaporkan dalam media tempatan," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta media tempatan memberi laporan yang boleh menolong memulihkan ekonomi.

Katanya, usaha media tempatan yang menyiarkan laporan mengenai dagangan tidak formal saham-saham syarikat Malaysia di CLOB International dianggap tidak sesuai kerana ia bukan pasaran yang sah.

Katanya, perniagaan CLOB tidak menguntungkan Malaysia sama sekali tetapi media tempatan menyiarkan harga saham itu sedangkan ia bukan pasaran saham yang sah.

-- BERNAMA

ARA AKD